

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KURIKULUM BAHARU: MATA PELAJARAN SEJARAH
SEKOLAH RENDAH HANYA DITAWARKAN KEPADA
MURID TAHUN 5 DAN TAHUN 6**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian laporan media mengenai penawaran mata pelajaran Sejarah pada peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Kurikulum Persekolahan 2027.

Sewaktu sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat pada hari ini, Timbalan Menteri Pendidikan, YB Wong Kah Woh telah menjelaskan mengenai kurikulum baharu yang akan bermula pada tahun hadapan melibatkan murid Tahun 1 dan Tingkatan 1.

Bagi mata pelajaran Sejarah, pada peringkat sekolah rendah ia ditawarkan kepada murid Tahun 5 dan Tahun 6. Manakala pada peringkat sekolah menengah, ia ditawarkan kepada murid bermula di Tingkatan 1.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
11 FEBRUARI 2026**